

Wanita hidup bakti teroka seni komunikasi 'bahasa cinta'

KOTA ENNA, Itali: Dalam dunia di mana komunikasi berkembang pesat, pertemuan kebangsaan *Ordo virginum*, sebuah persatuan wanita konsekresi/hidup bakti, telah memilih tema: "Seni Berkomunikasi dengan Hati."

Pertemuan itu berlangsung pada Julai 24-27, mengambil iktibar daripada pesan Sri Paus Fransiskus sempena Hari Komunikasi Sedunia ke-57, yang menekankan tema "Mendengar dengan hati: Kebenaran dalam cinta". Para wanita konsekresi itu berusaha untuk menyelidiki cara-cara komunikasi yang dapat memupuk persekutuan.

Komunikasi dan Persekutuan

Dalam sebuah kenyataan, *Ordo virginum* menjelaskan bahawa wanita hidup bakti menyedari keperluan untuk mencipta ruang baharu untuk komunikasi yang sejati.

"Kehidupan sehari-hari wanita yang dikonsekresi sentiasa melibatkan komunikasi yang berterusan. Komunikasi ini memanfaatkan persekutuan lebih-lebih kami, sebagai wanita konsekresi, perlu

sentiasa berkomunikasi dan mengeratkan hubungan dengan komuniti, orang-orang yang ditemui setiap hari dan sudah tentu, dengan Tuhan."

Oleh itu, para wanita hidup bakti ini mengakui bahawa bentuk komunikasi baharu boleh mewujudkan kesempatan emas untuk memperbaharui, mengukuhkan dan memupuk hubungan dengan sesama.

"Cara komunikasi dalam evolusi era yang serba pantas, adalah sarana penting di tempat-tempat yang boleh memupuk hubungan baharu, juga di tempat-tempat yang memerlukan penjagaan, di ruang di mana kita dipanggil untuk memasuki komunikasi dan mendengar dengan 'hati' seperti yang diseru oleh Sri Paus Fransiskus.

Wanita Konsekresi dalam Era Komunikasi Digital

Sepanjang perhimpunan selama tiga hari itu, ia dipenuhi dengan detik-detik doa dan masa yang diperuntukkan untuk mendengar dan berkongsi pengalaman.

Penceramah termasuk Cristina Vonzun, seorang wanita hidup bakti dari Keuskupan Lugano dan pengarah *Communicatio Ecclesiae*, yang akan membincangkan topik "Wanita yang Tertahbis



Vigil menyalakan lilin diadakan bagi mengenang pejuang iman wanita Sta Agnes, Beata Pina Suriano dan Beata Rosario Livatino.

dalam Era Komunikasi Digital".

Fr. Luigi Maria Epicoco, seorang paderi Keuskupan L'Aquila dan profesor di Universiti Pontifical Lateran, menyampaikan topik "Wanita dalam Alkitab: Komunikasi 'Lain' manakala Andrea Monda, Pengarah *Osservatore Romano*, membawa para peserta meneroka topik "Berkomunikasi adalah menceritakan: Atas Seruan Pelayanan di Luar Gereja oleh Sri Paus Fransiskus."

Acara di kota Enna ini juga memasukkan acaara menyalakan lilin atau vigil pada hari kedua, untuk mengetengahkan kesaksian iman Sta. Agatha, Beata Pina Suriano dan Beata Rosario Livatino. Para wanita konsekresi ini juga mengikuti panel perbincangan mengenai "Bahasa Cinta" yang menawarkan cara komunikasi untuk bekerja dipelbagai institusi amal. — *Media Vatikan*

Intensi doa bulan Ogos Sri Paus: Hari belia Sedunia

VATIKAN: Intensi doa bulan Ogos Sri Paus Fransiskus adalah untuk Hari Belia Sedunia (*World Youth Day/WYD*) 2023 di Lisbon, Portugal.

Sri Paus mengajak Gereja untuk berdoa bagi intensi ini melalui Video Intensi Bapa Suci bulan Ogos yang dikendalikan oleh Rangkaian Doa Seluruh Dunia Sri Paus.

Dalam pesannya, Sri Paus Fransiskus menggesa golongan muda untuk segera bangkit dan bergegas memberitakan Injil.

Pada permulaan video itu, Sri Paus meyakinkan kaum muda tentang kepentingan mereka untuk Gereja, dan menegaskan bahawa Gereja memerlukan orang muda untuk terus hidup.

Bapa Suci juga menjawab pertanyaan beberapa orang muda dari benua berbeza iaitu Filipina, Brazil dan Ivory Coast.

Ada yang bertanya sama ada Gereja hanya untuk orang tua; mengapa Sri Paus memilih Maria sebagai tema Hari Belia Sedunia; dan,

apakah harapan Sri Paus sendiri untuk pertemuan antarabangsa kaum muda di Lisbon, Portugal.

Maria tidak berbangga, berswafoto

Sangti Papa menjawab soalan-soalan itu dengan mengatakan Maria dipilih sebagai tema WYD kerana sebaik sahaja dia mendapat tahu dia akan menjadi Ibu Tuhan, Maria tidak tinggal di rumah sahaja, tidak mengambil swafoto atau menunjuk-nunjuk.

Sebaliknya, perkara pertama yang dia lakukan ialah memulakan atau bergegas untuk perjalanan untuk berkhidmat dan membantu.

Bapa Suci Fransiskus juga berdoa agar dunia mengutamakan kasih dan belas kasihan khususnya pada pada masa peperangan dan konflik melanda khususnya di Ukraine, Haiti, Palestine, Myanmar dan tempat-tempat lain di dunia yang sedang bergolak. — *Media Vatikan*



Peserta WYD memikul salib WYD di Lisbon, Portugal.

Rahsia tidak dapat disorok

Filem 1990-an, *City Slickers* mempunyai adegan yang menenangkan kepentingan integriti peribadi.

Tiga orang lelaki, warga New York, berkawan rapat, telah bercuti sempena musim panas untuk menunggang lembu dengan harapan, pengalaman ini akan membantu mereka menyelesaikan masalah krisis pertengahan usia masing-masing.

Dalam salah satu babak, semasa menunggang di sepanjang denai, mereka membincangkan moral melakukan hubungan seksual.

Pada mulanya, perbualan mereka tertumpu kepada keadaan takut diketahui atau ditangkap dan dua daripada mereka bersetuju bahawa hubungan sulit hanyalah sia-sia kerana perbuatan itu ada kemungkinan akan diketahui orang.

Tetapi salah seorang mereka bertanya sekali lagi. Kali ini, soalnya ialah adakah mereka akan melakukan hubungan sulit jika dijamin, perbuatan itu tidak akan diketahui orang?

“Bayangkan,” katanya, “ada kapal angkasa mendarat. Seorang wanita cantik keluar dari kapal angkasa itu. Anda jatuh cinta, anda tidur dengan wanita itu dan wanita itu kemudiannya kembali ke planet Marikh. Tidak ada risiko. Tidak ada siapa yang akan tahu. Jadi, adakah kamu akan melakukannya?”

Billy Crystal, watak utama dalam filem itu menjawab bahawa, walaupun kelihatan ‘tidak akan siapa yang tahu’ namun dia meragukannya. “Kesalahan itu lama-kelamaan

akan diketahui juga. Orang akan sentiasa terhidu akan kesalahan kita,” katanya. Rakannya tidak berpuas hati dan terus berdebat, “Tetapi bagaimana jika ‘menjalin hubungan sulit dan tidak diketahui’ ini benar-benar wujud? Tidakkah anda mahu melakukannya?”

Billy Crystal menjawab tegas, “Tetapi saya tahu dan saya akan membenci diri sendiri kerana melakukannya.”

Jawapan Billy itu menekankan kebenaran yang penting. Apa yang kita lakukan secara tersembunyi, tertutup, secara rahsia, mempunyai akibat sama ada ia terbongkar atau tidak. Kesalahannya tetap sama.

Apa yang kita lakukan secara rahsia biasanya akan membentuk watak kita dan mempengaruhi cara kita berhubung dengan orang lain, malah berubah sangat banyak dan ketara daripada yang kita sangka. Melakukan sesuatu dalam rahsia atau kejadian itu tidak akan terbongkar – tetap akan diketahui. Seorang pasti mengetahuinya. Dan kita sebagai si pelaku, juga mengetahuinya. Dan kita benci diri kita sendiri kerana disebabkan hal itu, kita terpaksa berbohong.

Penipuan dan kesalahan akan mengeluarkan ‘baunya’ sendiri. Apa yang kita lakukan secara rahsia akan membentuk rupa kita di khalayak ramai.

Ketidajujuran mengubah penampilan kita kerana ia mengubah siapa kita. Itulah sebab mengapa orang-orang di sekeliling kita dapat merasakan mana yang benar atau tidak, seseorang pasti selalu dapat



menghidu pembohongan, walaupun mereka tidak mempunyai bukti kukuh atas kesalahan yang kita lakukan.

Melakukan sesuatu secara rahsia yang disembunyikan daripada khalayak ramai adalah definisi hipokrit, dan akibat rahsia itu, kita terpaksa berbohong bagi menyembunyikannya.

Dan, di antara semua dosa, berbohong adalah yang paling berbahaya. Kenapa? Kerana berbohong bermakna kita menyangkal diri kita, membenci diri sendiri, tidak menghormati diri kita sendiri, dan apabila kita berhenti menghormati diri sendiri, kita akan menyedari, orang lain berhenti menghormati kita juga. Intuisi kita selalu “menghidu” pembohongan setiap orang.

Lebih teruk lagi, pembohongan memaksa kita untuk terus menjadi angkuh dan hidup dalam pembohongan. Dosa tidak selalu mem-

buat kita rendah hati dan bertaubat. Selalunya, kita mempunyai gambaran mudah tentang pendosa yang jujur, seperti orang berdosa dalam Injil yang mudah menerima Yesus berbanding orang bijak pandai dalam agama.

Memang betul, pendosa yang jujur lebih senang memohon pengampunan daripada Tuhan, tetapi bilangannya sedikit sahaja. Kisah dalam Kitab Suci tentang orang berdosa yang jujur, dengan rendah hati bersungguh-sungguh berdoa di hadapan Tuhan, dan meluahkan semua dosa-dosanya, tidak menyembunyikan atau ‘menyimpan’ dosa.

Tetapi dosa boleh memberi kesan yang sangat berbeza kepada kita. Apabila kita tidak jujur mengakui dosa, kita bergerak ke arah yang bertentangan, iaitu, menuju rasionalisasi, sikap degil, kedinginan hati dan sinis.

Lebih-lebih lagi, pembohongan, bukan kelemahan yang azali, ia boleh menjadi penyakit sebenar dan merupakan bahaya sebenar. Apabila kita menyembunyikan dosa, kita terpaksa berbohong, dan dengan kebohongan itu kita mula mengeraskan hati dan ini, mengubah jiwa kita.

Terdapat pepatah moral yang mengatakan: Anda boleh melakukan apa sahaja asalkan anda tidak perlu berbohong mengenainya. Ini agak berbeza daripada kata-kata yang mengatakan bahawa anda boleh melakukan apa sahaja selagi tiada siapa yang mengetahuinya.

Kualiti kita bergantung pada ta-

hap integriti peribadi kita. Kita sakit seperti rahsia kami yang paling sakit, dan kami sihat seperti kebiasaan kita yang paling tersembunyi.

Tidak kira sama ada orang lain tahu rahsia kita atau tidak. Kita tahu bahawa apabila rahsia itu tidak sihat, kita membenci diri kita sendiri untuknya dan hati kita menjadi keras untuk hidup dengan pembohongan kita.

Jangan sekali-kali kita menipu diri sendiri untuk berfikir bahawa perkara-perkara yang kita lakukan secara tertutup, termasuklah perbuatan-perbuatan khianat kecil kita, memanjakan diri, ketaksabaran, cemburu, atau fitnah – jangan sangka tidak ada akibatnya hanya kerana tiada siapa yang mengetahui tentang hal ini.

Di dalam misteri kesalinghubungan kita sebagai sebuah keluarga manusia dan sebagai keluarga yang beriman berdasarkan kepercayaan, tindakan kita yang paling peribadi, baik atau buruk, seperti enzim yang tidak kelihatan di dalam aliran darah - mempengaruhi keseluruhannya.

Segala-galanya diketahui, dirasai, dalam satu cara atau yang lain. Tidak ada perkara seperti perbuatan peribadi, di dalam keluarga manusia atau di dalam tubuh Kristus.

Orang-orang yang mengenali kita, walaupun mereka tidak mengetahui segala-galanya tentang kita pasti dapat menghidu keburukan kita, sebagaimana mereka juga dapat mencium kebaikan kita. — *Hakcipta Terpelihara 1999-2023 @ Fr Ron Rolheiser*

Memilih untuk menjadi sahabat Tuhan

Injil pada hari Minggu ini menceritakan tentang Yesus yang dimuliakan di atas gunung.

Peristiwa ini juga dikenali sebagai transfigurasi. Pesta ini dirayakan sejak abad ke sembilan dalam pelbagai cara oleh Gereja Timur.

Terdapat beberapa pesan utama dalam peristiwa transfigurasi ini iaitu pertama, tentang reuni dan perjumpaan para sahabat Tuhan; kedua, tentang hidup dan kebangkitan; ketiga tentang persekutuan para kudus di dalam Yesus Kristus.

Reuni dan Perjumpaan Para Sahabat Tuhan

Orang-orang yang terlibat di dalam peristiwa transfigurasi Yesus ini adalah tiga murid Yesus kemudian muncul atau kelihatan Musa dan Elia.

Mereka semua adalah para sahabat Tuhan. Musa dan Elia adalah para sahabat Tuhan dalam Perjanjian Lama, manakala Petrus, Yakobus dan Yohanes adalah para sahabat Tuhan semasa Perjanjian Baru.

Di sini terlihat bahawa di dalam Yesus terjadi kesinambungan antara masa lalu dan masa kini, sehingga orang-orang dari masa lampau berjumpa dengan orang-orang pada masa kini.

Di dalam Yesus, semua “masa” berkesinambungan menjadi satu rentetan ziarah: dari masa lalu menyatu dengan masa kini untuk kemudian menuju ke masa depan di dalam Tuhan.

Tuhan kita Yesus Kristus bukan sekadar “Tuan atas Hari Sabat” (Mat. 12:8), tetapi Diri-Nya adalah pemilik dan penguasa waktu (Yoh. 1:3-4).

Di dalam Yesus, kehidupan para sahabat Tuhan mengalir dari masa lampau masuk ke dalam masa kini untuk selanjutnya menuju ke dalam keabadian masa depan di dalam Tuhan!

Pesan tentang hidup dan kebangkitan

Di dalam peristiwa ini, ada dua tokoh istimewa, para sahabat Tuhan dalam Perjanjian Lama di mana kehidupan manusiawi mereka sudah berakhir.

Musa wafat di Gunung Nebo, di daerah orang-orang Moab (Ul. 34:5-7-8).

Elia “terangkat” di daerah seberang Yordan menuju kepada persatuan dengan Tuhannya (2 Raj. 2:8-11). Sekalipun demikian, kedua-dua tokoh ini datang menjumpai Yesus, Petrus, Yakobus, dan Yohanes sebagai “orang-orang

yang hidup.”

Pesan untuk kita ialah bahawa di dalam Yesus, di dalam keilahian-Nya, sungguh ada hidup dan kebangkitan.

Pengalaman tentang hidup dan kebangkitan itu sudah menjadi nyata di dalam hidup Musa dan Elia, dan pengalaman itu dihadirkan sebagai “janji” kepada Petrus, Yakobus, dan Yohanes.

Janji bahawa para sahabat Tuhan yang melaksanakan kehendak Tuhan sepanjang hidup mereka, akan memperoleh hidup di dalam Tuhan, di alam kebangkitan seperti halnya dengan Musa dan Elia itu.

Pesan tentang persekutuan para kudus di dalam Yesus

Di dalam peristiwa transfigurasi Yesus ini, terdapat juga pesan bahawa orang-orang yang hidup boleh menjadi satu dalam persekutuan para sahabat Tuhan, serta dapat saling berjumpa dengan perantaraan Tuhan kita Yesus Kristus.

Melalui peristiwa penampakan kemuliaan Tuhan Yesus ini, apa yang menjadi pokok doa Gereja dalam Syahadat Para Rasul, “Aku percaya akan Roh Kudus, ‘persekutuan para kudus’ itu” menjadi hal yang nyata.

HARI MINGGU BIASA KE-18 TAHUN A

DANIEL 7: 9-10; 13-14
2 PETRUS 1:16-19
INJIL MATIUS 17:1-9

Oleh itu, setiap kali mendoakan Syahadat Para Rasul, marilah kita sedari bahawa kita tidak hanya mengucapkan kata-kata doa, tetapi sesungguhnya kita “mengumumkan” kepada dunia, bahawa persekutuan para kudus itu sungguh telah nyata di dalam Yesus.

Syahadat Para Rasul adalah sebuah doa sekaligus pengakuan iman, dan juga pewartaan tentang apa yang menanti para sahabat Tuhan di masa depan, setelah kehidupan manusiawi kita di masa kini berakhir.

Dengan demikian, kita akhirnya boleh memahami, mengapa Yesus para murid-Nya menceritakan pengalaman transfigurasi diri-Nya ini sebelum Dia bangkit (Mat. 17:9).

Sebagaimana kebangkitan itu sudah nyata dalam diri Musa dan Elia, Yesus menginginkan bahawa pewartaan tentang hidup

dan kebangkitan yang disediakan Tuhan bagi para sahabat-Nya itu, bahawa pewartaan tentang hal itu, harus dimaterai oleh kenyataan tentang kebangkitan Yesus sendiri.

Sehingga akhirnya, pewartaan tentang semua pesan transfigurasi ini: tentang reuni dan perjumpaan para sahabat Tuhan, tentang hidup dan kebangkitan, dan tentang persekutuan para kudus itu nantinya bukan sekadar sebuah cerita belaka, melainkan sebuah kesaksian iman, sebuah penegasan tentang apa yang sudah terjadi di dalam diri Musa, Elia, dan Yesus sendiri, yang selanjutnya akan terjadi pada semua sahabat Allah.

Pilihan untuk kita adalah mau menerima cara hidup sebagai sahabat Tuhan atau adakah pilihan lain? Dan jangan lupa: tentukan pilihan hidup kita, apakah kita mahu hidup bersama Yesus atau tidak? — *santapan rohai*

Dua wakil Malaysia ke sinode para Uskup ke-16

KUALA LUMPUR: Ahli teologi, Fr Dr Clarence Devadass dari Keuskupan Agung Kuala Lumpur, dan Anna Teresa Peter Amandus dari Keuskupan Sandakan, adalah dua delegasi dari Malaysia yang telah dipilih secara peribadi oleh Sri Paus Fransiskus sebagai Ahli Mengundi (*Voting Member*) untuk Sinode Biasa para Uskup ke-16, Oktober ini di Vatikan.

HERALD menemubual kedua-dua mereka yang sangat berbesar hati dan tersentuh kerana dipilih untuk menghadiri Sinode Pertama mengenai Sinodaliti pada Oktober 4-29, 2023.

Fr Clarence ialah ahli Tim *Discernment* dan Penulisan yang bekerja untuk Dokumen Akhir Perhimpunan Benua Asia mengenai Sinodaliti, manakala Anna adalah seorang delegasi di Perhimpunan Benua Asia tentang Sinodaliti yang diadakan di Bangkok pada Februari tahun ini.

Hasil perjalanan sinodal mereka di Bangkok telah diakui di Roma dan pelantikan mereka sebagai ahli mengundi secara peribadi oleh Sri Paus, pastinya akan menjadi pengalaman rahmat bagi mereka berdua.

Peluang melihat perspektif global gereja
Menyifatkan sinode sebagai 'unik', di mana bukan uskup dan umat awam juga akan ha-dir serta mempunyai hak mengundi buat kali pertama, Fr Clarence melihat pengalaman ini sebagai peluang memperoleh perspektif global Gereja sejagat.

"Kesejagatan kita kerap terbatas pada paroki atau keuskupan kita sendiri sahaja. Selalunya kita memahami situasi dalam negara kita sahaja maka apabila mempunyai peluang untuk membaca atau mendengar laporan dari negara-negara yang berbeza, ia akan mengubah pandangan kita untuk melihat realiti baharu. Ia akan memberikan

visi tertentu tentang Gereja. Itulah kegemilangan besar saya iaitu bakal mempunyai pengalaman lebih luas tentang siapa Gereja dan saya sendiri teruja untuk berkongsi tentang Malaysia dan Gereja Asia dengan perwakilan dari negara lain," kata Fr Clarence.

"Saya akan membawa perbualan Asia dan Malaysia yang telah dibincangkan sebelum ini dan pada masa yang sama, saya juga ingin mendengar apa yang orang lain katakan," kata Canselor Keuskupan Agung KL itu seraya mengungkapkan harapan agar para perwakilan menghormati sinode sebagai ruang suci supaya semua orang boleh bersuara dengan bebas dan mendengar secara terbuka antara sesama agar dasar Gereja semakin kukuh."

Fr Clarence juga menjangka, dengan kira-kira 400 perwakilan ke sinode, ada kemungkinan tidak semua agenda atau pandangan setiap negara dapat disuarakan atau ditangani.

Namun begitu, paderi itu percaya Roh Kudus akan membantu proses sinode dan yakin bahawa Roh Kudus akan memimpin Gereja secara kolektif untuk bergerak ke arah yang betul.

"Cabarannya adalah untuk kita memahami bahawa ini adalah proses yang harus kita percayai. Kita perlu mempercayai Roh Kudus dan kita perlu mempercayai Tuhan, jika tidak, kita akan kecewa jika pandangan dan kebimbangan kita tidak dibangkitkan atau ditangani," ujar Fr Clarence.

Ruang khemah telah diluaskan

Menurut statistik yang dikeluarkan oleh Pejabat Akhbar Takhta Suci pada Julai 7, seramai 363 orang mendapat hak mengundi dalam Sinode Biasa para Uskup ke-16 Sinode. 54 daripada perwakilan boleh mengundi adalah wanita.

Bagi Anna Amandus, bilangan wanita



Fr Dr Clarence Devadass

boleh mengundi itu kecil tetapi ia mencerminkan "Ruang Khemah telah diluaskan."

Wanita, tidak dipinggirkan

"Keputusan yang dibuat oleh Bapa Suci untuk memasukkan wanita, memperlihatkan kepentingan visi Sri Paus untuk umat awam mengambil peranan lebih besar dalam hal ehwal Gereja yang telah lama diserahkan kepada klerus, uskup dan kardinal. Saya pasti bahawa Sinode Uskup ini akan "diperkaya" dengan idea dan suara para perwakilan Gereja di seluruh dunia.

"Perhimpunan sinode para uskup ini adalah pertemuan penting dan saya akan sedaya upaya menyumbang yang terbaik dari kemampuan saya untuk membawa dan berkongsi suara Asia (termasuk Malaysia) dalam Sinode."

"Saya berharap, dengan rahmat Tuhan, bahawa Sinode ini akan membuahkan hasil, dibimbing secara rohani dan memberi 'nafas segar' kepada Gereja dan umatnya."

Anna, yang bertugas di Pejabat Pastoral



Anna Teresa Peter Amandus

dan Bahagian Migran Keuskupan Sandakan, juga ingin berkongsi pengalaman dan pembelajaran sinodalnya dengan umat di Keuskupannya khususnya pada masa ini, Keuskupan Sandakan sedang giat dengan program turun padang ke semua paroki bagi mempromosi Konvensyen pertama Pastoral Malaysia 2026 (MPC).

"Saya bercita-cita untuk melihat Gereja Katolik Malaysia kita melangkahi halangan dan perbezaan, bersatu dalam kasih Tuhan dan berjalan bersama ke arah Gereja yang lebih sinodal," kata Anna seraya mengucapkan terima kasih kepada uskupnya, Rt Rev Julius Dusin Gitom dan suaminya, George Ryan Petrus Tokan, atas dorongan dan sokongan mereka.

Selain Fr Dr Clarence dan Anna Teresa yang dipilih oleh Sri Paus Fransiskus untuk menghadiri Sinode Biasa Para Uskup ke-16 di Roma, Konferensi para Uskup Katolik Malaysia, Singapura dan Brunei (CBCMSB) telah memilih Kardinal William Goh ke perhimpunan tersebut.

Tanya Jawab



Adakah anda mempunyai persoalan agama, Kitab Suci atau ajaran Gereja?

Hantarkan soalan anda ke:

HERALD
5, Jalan Robertson,
50150 Kuala Lumpur

Tel: 03-2026 8291

Email:
liza@herald.com.my

Soalan: Taman Eden adalah taman di mana manusia pertama Adam dan Hawa hidup. Di sana pula manusia pertama jatuh dalam dosa. Tuhan akhirnya mengusir mereka dari taman itu. Apakah Taman Eden ini hanya dongeng dan seperti apa sesungguhnya Taman Eden itu? —Celina

Jawaban: Gambaran tentang Taman Eden kita temui dalam Kitab Kejadian (bab 2 dan 3), iaitu taman yang dibuat Tuhan untuk manusia pertama. Taman itu sangat indah, penuh tanaman yang baik, dengan buah-buahan yang menarik dan enak dimakan.

Bahkan ada dua pohon istimewa di dalamnya: pohon kehidupan dan pohon pengetahuan tentang yang baik dan jahat.

Ada pula sungai yang mengalir dari Eden, yang bercabang empat: Pison, Gihon, Tigris dan Efrat.

Keindahan taman itu sering dirujuk sebagai penghiburan (lih. Yesaya) atau teguran mendi-dik bagi mereka yang sombong (Yehezkiel). Yesaya yang menghibur umat Israel semasa di pembuangan, berkata: "Sebab TUHAN menghibur Sion, menghibur segala reruntuhannya; Ia membuat padang gurunnya seperti Taman Eden dan padang belantarannya seperti taman TUHAN" (Yes. 51:3).

Taman Eden itu gambaran ideal masa depan Yerusalem, di mana "terdapat kegirangan dan sukacita, nyanyian syukur dan lagu yang nyaring".

Taman Eden

Kebaikan Taman Eden itu mengungguli keutamaan apa pun. Kerana itu orang tidak boleh menyombongkan keutamaannya sendiri, seperti yang dikecam Yehezkiel pada Raja Tirus (Yeh. 28) dan Firaun (Yeh. 31).

Jadi Taman Eden itu adalah gambaran taman asali dan sekaligus taman masa depan yang dijanjikan Tuhan (bdk. juga Yoel 2:3). Lalu, apakah gambaran taman itu merujuk suatu tempat tertentu di bumi ini?

Tentang ini, ada orang-orang yang suka menghubungkan-hubungkan dan membuat kesimpulan, apalagi mereka melihat adanya "petunjuk-petunjuk": seperti Sungai Tigris dan Efrat, adanya bani Eden, atau kisah Lot ketika diminta Abraham memilih tempat; Lot melihat tempat yang dipilihnya mirip seperti Taman Tuhan (Kej. 13:10), dsb.

Dari petunjuk-petunjuk itu ramai orang merekomendasikan Mesopotamia, di hujung Teluk Persia di mana Sungai Efrat dan Tigris mengalir ke laut (Irak sekarang).

Benarkah demikian? Tidak perlu. Memang menurut para ahli ada kemiripan kisah ini dengan legenda penciptaan tradisi Mesopotamia, di mana dapat dirujuk Mesopotamia sebagai tanah kebanggaan mereka; bahkan mungkin kisah Kejadian dipengaruhi mitologi Mesopotamia itu.

Namun sebenarnya Kitab Suci mempunyai tujuan sendiri, ketika menampilkan gambaran Taman Eden. Bukan terutama tempat yang

mahu ditunjukkan, tetapi gambaran kasih per-sahabatan Tuhan kepada manusia ciptaan-Nya.

Itulah pandangan Gereja Katolik, seperti terungkap dalam Katekismus Gereja Katolik (no. 374-379). "Manusia pertama dicipta sebagai makhluk yang baik dan ditempatkan dalam persahabatan dengan Penciptanya dan dalam keselarasan dengan diri sendiri dan dengan ciptaan yang berada di sekitarnya" (no. 374).

Dalam terang Perjanjian Baru dan Tradisi, Gereja menjelaskan Taman Eden sebagai perlambangan Biblis, dan menyatakan bahawa "nenek moyang kita Adam dan Hawa ditempatkan dalam satu keadaan 'kekudusan dan keadilan' yang asli", di mana mereka menikmati rahmat kekudusan yang asli pula, yang membuat mereka "berpartisipasi dalam kehidupan ilahi" (LG 2).

Gambaran taman merangkumi keselarasan dalam suasana rahmat itu, keselarasan dengan diri sendiri, dengan alam dan terutama dengan Tuhan. Kerana hubungan baik itu Tuhan menempatkan manusia dalam "kebun" untuk mengusahakan dan memeliharanya (KGK no. 378).

Jadi Taman Eden adalah gambaran suasana rahmat asali manusia pertama, tetapi juga gambaran tujuan hidup kita manusia sekarang ini ke depan. Apa yang dulu hilang kerana dosa telah diperoleh kembali oleh Kristus, Sang Adam baru, untuk kita. — **Gregorius Hertanto MSC, hidupkatolik.com**

Sahabat kecil Yesus

Hello adik-adik,

Apa khabar? Injil pada hari Minggu ini menceritakan sebuah peristiwa luar biasa tentang Yesus.

Yesus membawa tiga orang rasul-Nya, Petrus, Yakobus dan Yohanes menaiki gunung yang tinggi. Di situ,

ketiga-tiga rasul itu telah melihat kejadian ajaib iaitu Yesus berubah rupa, menjadi bercahaya bagaikan matahari. Nampaklah pula Nabi Musa dan Elia yang berbicara dengan Tuhan Yesus dan mereka juga mendengar suara Tuhan, "Inilah Anak yang Kukasihi, kepada-Nyalah

Aku berkenan, dengarkanlah Dia" (Mat 17:5).

Peristiwa Transfigurasi ini meninggalkan kesan yang sangat mendalam di hati para rasul.

Rasul Petrus kembali mengenang peristiwa ini semasa menulis suratnya untuk meneguhkan iman para umat

tentang Kristus (lih. 2 Pet 1:16-19). Seperti Petrus yang sangat terkesan dengan peristiwa Transfigurasi, marilah meneguhkan iman kita untuk terus setia kepada Yesus.

Salam Sayang
Antie Melly



GARISKAN JAWABAN YANG BETUL

MATIUS 17:1-9

Siapakah yang menemani Yesus ke gunung?

- + Matius, Filipus, Markus
- + Yohanes, Yakobus, Petrus
- + Lukas, Andreas, Bartolomeus

Di manakah Yesus membawa tiga orang rasul-Nya?

- + rumah Petrus
- + gunung tinggi
- + danau Galilea



Siapakah dua orang yang dilihat seperti berbicara dengan Yesus?

- +Isai dan Yakub
- +Musa dan Elia
- +Abraham dan Yesaya





Yesus berubah _____ di depan mata mereka; wajah-Nya bercahaya seperti _____ dan pakaian-Nya menjadi _____ bersinar


- + pakaian ... bulan ... merah
- + rupa ... matahari ... putih
- + rambut ... lampu ... kelabu



Cari perkataan tersembunyi



Bantu Petrus, Yohanes dan Yakobus agar dapat bertemu dengan Yesus.



Mari Mewarna



INILAH ANAK YANG KUKASIHI, KEPADA-NYALAH AKU BERKENAN, DENGARKANLAH DIA (MAT 17:5)

BELIA MILENIUM



Ribuan kaum muda Asia hadiri WYD Lisbon

LISBON, Portugal: Sekitar 2,500 Orang Muda Katolik (OMK) Asia, menghadiri Hari Orang Muda Katolik Sedunia (WYD, *World Youth Day*) di Lisbon, dengan sebahagian besar peserta berasal dari Korea Selatan, Filipina, dan India.

Keuskupan-keuskupan di Korea Selatan menghantar 1,051 delegasi rasmi ke WYD.

Negara-negara Asia lainnya juga mengirimi delegasi rasmi kecuali Gereja Katolik Myanmar, yang tidak mengirimi delegasinya kerana krisis pendanaan dan kekacauan politik.

India mengutus 250 perwakilan rasmi ke Portugal.

Tahun ini, sekitar 270 orang sebagai delegasi rasmi dari Filipina sedang menghadiri WYD, lapor akhbar *Philstar* pada Julai 17.

Di Indonesia, sekitar 45 orang dari delegasi rasmi Indonesia dan 53 dari Timor-Leste menyertai kaum muda dari seluruh dunia di WYD.

Malaysia mengutus 148 belia Katolik yang turut disertai oleh paderi dan religius.



Orang Muda Katolik Korea bergambar selepas Misa Kudus di Seoul pada Julai 15 sebelum menghadiri WYD di Lisbon. (Gambar: Keuskupan Agung Seoul)

Belia Katolik dari Seoul teruja menyertai 'Hari-hari di Keuskupan-keuskupan', di Keuskupan Leiria-Fatima, Portugal, dan tidak sabar untuk bertemu dengan Sri Paus Fransiskus.

'Hari-hari di Keuskupan' merupakan program sebelum WYD di Lisbon pada Julai 26-31 di 17 keuskupan di seluruh Portugal.

Tujuan utama program itu adalah

untuk mengintegrasikan kaum muda Katolik dari seluruh dunia ke dalam komuniti paroki dari pelbagai keuskupan di negara tersebut, memberi mereka pengetahuan yang lebih baik tentang wilayah yang menyambut mereka, Gereja lokal dan ciri-ciri khususnya.

Selama beberapa hari, para peziarah akan tinggal di rumah-rumah keluarga angkat, paroki atau kemudahan

umum, sehingga mereka dapat merasakan pengalaman Gereja khususnya bagaimana melakukan evangelisasi dan meneruskan misi Kristus di dunia.

Uskup Timothy Yu Gyoung-Chon dari Keuskupan Agung Seoul, Korea Selatan menyatakan bahawa ziarah ke Lisbon melalui WYD adalah kesempatan baik untuk belajar tentang kehidupan. — ucanews.com

BANTU DANA PEMBINAAN PUSAT BELIA: KAUM MUDA ANJUR MAJLIS MAKAN MALAM RETRO

KLANG: Bagi membantu mengisi tabung dana untuk pembinaan pusat belia yang baharu, Pelayanan Belia Gereja Our Lady of Lourdes (OLLYM), menganjurkan Majlis Makan Malam Retro dan Tarian, yang dihadiri 380 umat, baru-baru ini.

Malam retro ini berkonsep tahun 60-90an, di mana hadirin yang datang begitu menarik dengan fesyen pakaian dan dandanannya era tersebut.

Selain tujuannya untuk mencari dana, majlis ini memperingatkan hadirin bahawa meskipun era 60an-90an telah berlalu tetapi ia mengingatkan kembali kasih, sukacita

dan kenangan manis.

Kemuncak malam itu ialah persembahan dari kumpulan *The Nightbirds* yang mengingatkan kembali nostalgia berharga melalui dendangan lagu-lagu zaman 60-90an.

Majlis yang turut dihiburkan dengan pelbagai persembahan dari belia, berjaya mengumpulkan hampir RM4,500.

Pembinaan pusat belia itu akan menjadi hab bagi para belia untuk menyertai program-program pementapan iman rohani, aktiviti-aktiviti rekreasi dan pelbagai program untuk memperkasakan belia sebagai pemimpin Gereja pada masa hadapan.



Retret promosi persaudaraan dan kepedulian



PORT DICKSON: Pelayanan Belia Gereja Holy Family, Kajang (HFK) telah menghadiri retret di Pusat Retret IJ Port Dickson baru-baru ini.

Objektif retret itu bermatlamat memupuk semangat solidariti dan persaudaraan yang lebih erat di kalangan kaum muda, apatah lagi pada zaman moden ini, sikap acuh tak acuh dan suka bersendirian semakin menebal.

Para peserta dibimbing oleh Fr Michael Chua dan beberapa orang fasilitator yang komited membantu rakan-rakan muda iaitu Kevin, Sheila dan Alma.

Melalui sesi-sesi doa, perkongsian, perbincangan dan aktiviti-aktiviti *team-*

building, para peserta dapat membukakan hati mereka dan menyedari bahawa memupuk persahabatan dapat membina komuniti Gereja yang kukuh serta saling menyokong antara sesama.

Dalam sesinya, Fr Michael membimbing kaum muda dalam refleksi peribadi, mengubah pandangan negatif mereka terhadap orang lain dan agama, membimbing para belia untuk melihat bakat-bakat yang dianugerahkan Tuhan dan betapa mereka sangat dicintai oleh Tuhan.

Selepas retret, para belia semakin bersemangat untuk melayani dan mahu bersikap lebih positif serta sukacita dalamewartakan kerajaan Tuhan.

Kehidupan tidak akan lari dari kesilapan, kegagalan

TAKHTA SUCI: Orang muda hari ini mesti terbuka untuk mencintai dan membiarkan diri mereka dipimpin serta diiringi oleh Tuhan dalam menghadapi cabaran hidup, kata Sri Paus Fransiskus.

Episod terbaru *Popecast* memberi peluang kepada seorang belia terpinggir, Giona, seorang Itali, transgender, homoseksual dan kurang upaya yang menggambarkan bagaimana iman membantunya menerima identiti dan tubuhnya walaupun dia cacat.

Episod pertama *Popecast Vatican Media* dengan Sri Paus Fransiskus diterbitkan pada bulan Mac, di mana prelatus itu mengimbas kembali 10 tahun pertama kepausannya.

Dikasteri untuk Keluarga dan Kehidupan mengeluarkan siri *Popecast* yang bertujuan membincangkan karya-karya dikasteri untuk yang membantu keluarga dan umat ber-

iman memperdalamkan iman dan bagaimana menjalani kehidupan sebagai umat Ekaristi.

“Tuhan sentiasa berjalan bersama kita, walaupun kita berdosa, Dia tetap datang kepada kita untuk menolong kita,” kata Sri Paus dalam siri *Popecast* terbaru di mana beliau mendengar keluhan Giona, seorang transgender dan kurang upaya.

“Tuhan mengasihi kita seperti kita. Inilah cinta agung Tuhan. Seperti nabi Jonah, “kita sering degil dan kedegilan itu menutup hati kita kepada kasih Tuhan,” kata Sri Paus Fransiskus sambil menggesa Giona agar tidak menyerah kalah dan mengingati bahawa “Tuhan sentiasa peduli kepada kita dan berjalan bersama kita walaupun kadang-kadang sukar dirasakan.”

Bapa Suci kemudiannya mendengar perkongsian dua orang pemuda bagaimana

mereka terperangkap untuk melakukan jenayah dan keganasan akibat latar belakang mereka yang bermasalah.

Kedua-duanya berpengalaman dengan undang-undang dan kini terlibat dengan Persatuan Kayros, sebuah organisasi Katolik yang menyokong golongan muda yang memerlukan.

“Kejayaan dan kemajuan dalam hidup sering diiringi dengan percubaan serta kesilapan. Berkali-kali masyarakat menzalimi kita kerana satu kesilapan,” kata Bapa Suci.

Tambahnya, “Anda tidak bersendirian dalam perjalanan anda, walaupun ketika anda membuat kesilapan yang teruk; Tuhan ada di samping anda, Dia sentiasa bersedia untuk memegang tangan anda, bersedia untuk mengangkat anda,” kata Sangti Papa.

“Tugas kita adalah untuk mengakui ke-



Paus Fransiskus memeluk salah seorang kaum muda dari Argentina. Gambar: Media Vatikan

silapan kita supaya Tuhan dapat membantu kita merenung kehidupan kita dan bergerak ke hadapan secara positif.

Tambah Sri Paus, jangan takut untuk bermimpi dan menggelar mimpi itu sebagai “benih harapan, benih kemajuan, kekuatan, untuk maju.” — *Media Vatikan*

Peluru berpandu Rusia musnahkan altar Katedral Transfigurasi, di Odesa



Katedral bersejarah di Odesa, Ukraine yang hancur akibat serangan peluru berpandu Rusia. Gambar: Media Vatikan.

ODESA, Ukraine: Peluru berpandu Rusia mengenai altar pusat Katedral Transfigurasi di Odesa.

Di tengah-tengah serangan malam 23 Julai oleh Rusia di Odesa, peluru berpandu anti-kapal X-22 melanda Katedral Transfigurasi Suci Ortodoks Ukraine (Katedral Spaso-Preobrazhensky). Peluru berpandu itu secara langsung melanda altar tengah, akibatnya bangunan katedral dan tiga tingkat bawah sebahagiannya musnah, manakala bahagian dalam dan ikon rosak dengan ketara.

Peluru berpandu itu adalah salah satu daripada 19 jenis yang dilancarkan terhadap bandar itu pada petang itu di barrage yang membunuh seorang dan mencederakan 22

orang, termasuk empat kanak-kanak.

Sejak Inisiatif Bijirin Laut Hitam pada Julai 17, sebuah perjanjian yang diusahakan oleh Turki dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk memastikan bekalan bijirin penting dari Ukraine ke Afrika, Timur Tengah dan Asia — Rusia tanpa henti menyasarkan Odesa, pelabuhan utama untuk mengganggu penghantaran tersebut.

Keuskupan Odesa Gereja Ortodoks Ukraine mengutuk pencerobohan Rusia terhadap Ukraine sebagai tindakan keganasan terhadap katedral dan jantung rohani bandar Odesa, dan katedral itu sendiri sama sekali tidak berkaitan dengan kemudahan ketenteraan,” tambah keuskupan itu. — *Media Vatikan*

Kaum muda bersatu demi keadilan di Bangladesh

DHAKA: Orang-orang muda dari pelbagai etnik di Bangladesh telah menjalin kesatuan dan kerjasama untuk bekerja demi perdamaian di tengah-tengah ketegangan politik di negara Asia Selatan itu menjelang pilihan raya umum nasional yang dijadualkan awal tahun hadapan.

Semasa tunjuk perasaan pada Julai 24, kaum muda berbahasa Bengali bergabung dengan rakan-rakan mereka dari pelbagai kumpulan masyarakat orang asli untuk menuntut kerajaan yang diterajui oleh parti Liga Awami (AL) agar mengakhiri penindasan terhadap minoriti dan memastikan hak-hak mereka termasuk hak tanah, kuota pekerjaan dan keadilan atas kekerasan.

Mereka juga melancarkan sebuah gerakan bernama *Parbatya Chattogram Chukti Bastobayon Andolon* (gerakan mencari keadilan Traktat Bukit Chittagong).

Matlamatnya adalah untuk mengimplemen-

tasikan Kesepakatan Damai Chittagong Hill Tract tahun 1997 di mana pemerintah mengakui hak-hak suku dan masyarakat lainnya di Chittagong Hill Tract, sekumpulan distrik dalam Divisi Chittagong di tenggara Bangladesh, berbatasan dengan India dan Myanmar.

Perjanjian Chittagong di antara parti kerajaan Liga Awami dan pejuang masyarakat adat telah mengakhiri pemberontakan berdarah puluhan tahun lalu di wilayah pegunungan.

Jurucakap demonstrasi tersebut menyebut pemerintah sebagai “pengkhianat” kerana gagal memenuhi janji pilihan raya untuk melindungi golongan minoriti setelah berkuasa selama tiga penggal berturut-turut sejak 2009.

Mukta Baroi, ketua Mahasiswa Sosialis mengatakan, “Negara ini telah menjadi negara represif. Sistem ini harus diubah!” — *ucanews.com*



Pemuda dan mahasiswa dari masyarakat asli Benggali menunjuk perasaan di ibu kota Bangladesh menuntut jaminan keadilan dan hak-hak bagi minoriti. Gambar: ucanews.com

Pemerintah India tahan tiga remaja yang mahu jadi biarawati



Gambar ilustrasi: Tiga remaja perempuan ditahan oleh pihak berkuasa kerana ingin menjadi biarawati Katolik. Gambar: Matters India.

SAGAR: Madhya Pradesh, India: Ibu bapa kepada tiga orang remaja perempuan dari masyarakat adat beragama Katolik menuntut agar anak mereka dibebaskan dari pihak berkuasa kesejahteraan kanak-kanak setelah mereka dituntut menukar agama menjadi Kristian.

Para gadis remaja itu dilaporkan ditahan oleh tim Komisi Perlindungan Hak Kanak-Kanak Madhya Pradesh pada Julai 21.

Mereka ditahan semasa pemeriksaan sekolah berasrama Katolik di daerah Jhabua yang majoriti penduduknya adalah masyarakat adat.

Remaja itu, dua daripada mereka belajar di kelas 11 dan satu di kelas 12, dilaporkan mereka ingin menjadi biarawati Katolik,

yang dianggap sebagai aktiviti menukar agama oleh tim siasatan. Mereka ditahan oleh Komisi Kesejahteraan Kanak-kanak (CWC) di daerah itu.

Samsun Makwana, juga salah seorang bapa kepada remaja yang ditangkap bertanya, “Apakah menjadi biarawati termasuk pejahat? Meskipun anak perempuan kami mengatakan mereka ingin menjadi biarawati, apa masalahnya,” katanya.

Madhya Pradesh, yang diperintah oleh Parti Bharatiya Janata pro-Hindu, mengubah dan mempertajam Undang-Undang (UU) Anti-Penukaran Agama tahun 2021. UU ini sering diguna untuk menganiaya penganut Kristian khususnya di daerah terpencil yang didominasi masyarakat adat. — *ucanews.com*

BERDOA MALAIKAT TUHAN BERSAMA SRI PAUS FRANSISKUS

Periksa medan hati kita dari dicemari benih jahat

VATIKAN: Selepas Misa Kudus di Basilika Sto Petrus untuk Hari Datuk, Nenek dan Warga Tua Sedunia, Sri Paus Fransiskus memimpin doa Angelus di Dataran Sto Petrus dengan ribuan penziarah.

Kemudian, prelatus itu memimpin doa Angelus di Dataran Sto Petrus. Sri Paus menyampaikan renungan tentang perumpamaan gandum dan lalang, iaitu kisah di mana seorang petani yang menanam benih yang baik di ladangnya kemudian mendapati bahawa musuhnya telah datang pada waktu malam dan telah menabur lalang.

Tuhan menggambarkan dunia kita seperti ladang yang luas di mana Tuhan menabur gandum manakala syaitan menabur lalang, yang baik dan yang jahat ini kemudian tumbuh bersama.

Bapa Suci berkata kita mungkin tergodanya untuk membasmi lalang, tetapi kita akan menghadapi risiko akan mencabut segala-galanya.

Sri Paus menggambarkan “medan hati” kita sebenarnya boleh melakukan “pembersihan” yang perlu kerana kita boleh campur tangan secara langsung misalnya melakukan Sakramen Pengakuan atau selalu merayakan Ekaristi.

Hati kita, umpama gandum dan lalang yang tumbuh bersama. Oleh itu, ia memerlukan “penjagaan yang berterusan terhadap tunas-tunas kebaikan yang halus”, kita harus mengenal pasti tunas yang baik atau yang boleh mengganggu kesuburan gandum dan menangani lalang dengan bijak.

Untuk membezakannya, kita harus



Sentiasa memeriksa medan hati kita agar benih baik dapat hidup dan subur bertumbuh dalam hati kita.

kerap melakukan pemeriksaan hati nurani bagi membezakan yang baik dan yang jahat. Suburkanlah apa yang baik dalam hati kita dengan membaca Firman Tuhan dan merayakan Sakramen-sakramen Gereja agar benih yang baik bertumbuh lebih banyak dalam hati kita,” kata Sri Paus.

Sri Paus kemudiannya menjelaskan tentang ladang lain iaitu “ladang jiran kita.”

Maksudnya ialah orang-orang dalam kehidupan kita, di mana kita kurang memberi tumpuan kepada mereka khususnya mereka yang umpama “lalang”.

Dalam hal ini, cabarlah diri kita untuk memberi tumpuan kepada “benih yang

kurang baik itu kerana mereka boleh menjadi benih yang berkembang baik, asalkan kita membantu untuk memupuknya.”

Sebagai kesimpulan, Sri Paus berkata kita harus memerhati atau berjaga-jaga melihat kehidupan kita sendiri dan belajar bagaimana memupuk tunas-tunas benih agar bertumbuh menjadi gandum yang sihat.

Sri Paus juga menyeru agar umat dapat “menggabungkan semua lalang dan gandum bersama-sama” tanpa menghakimi atau mengabaikan sesiapa, melihat kebaikan mereka bagi mengatasi kelemahan mereka. — *Media Vatikan*

Ketika sukar mengampuni, hayati 12 kata nasihat ini

Kita baru sahaja menyambut pesta Sta Maria Magdalena, dua minggu lalu.

Sta Maria Magdalena adalah murid Yesus. Menurut tradisi dahulu, mereka mengatakan Sta Maria Magdalena adalah seorang pendosa besar sebelum bertemu dengan Tuhan.

Namun, setelah bertemu dan mengikuti Yesus, dia adalah salah seorang kudus yang paling penting dalam Gereja, teladan terbaik tentang bagaimana pengampunan mengubah hidup kita.

Sama seperti Kristus menunjukkan belas kasihan-Nya, kita boleh belajar daripada teladan-Nya dan berusaha untuk mengampuni mereka yang telah melakukan kesalahan kepada kita.

Sudah tentu, ini tidak selalunya mudah, jadi apabila kita memerlukan galakan, kita boleh mendapat inspirasi daripada orang-orang kudus, tokoh-tokoh sastera, dan Sri Paus terdahulu untuk membantu kita sepanjang perjalanan.

Ampunilah dan kamu akan diampuni (Lukas 6:37)

Jika kamu mahu mengasihi, belajarlah mengampuni — *Ibu Teresa*

Melakukan kesalahan itu adalah lumrah manusia, mengampuni adalah sifat mulia — *Sri Paus Fransiskus*

Orang-orang kudus tidak ada kebencian, dendam, mereka mengampuni segala-galanya, sentiasa menyesali kesalahan mereka terhadap Tuhan — *Sto Yohanes Vianney*

Di mana tidak ada kasih, curahkanlah kasih, kasih akan mengalir di situ dan kasih akan melimpah ruah dalam diri anda — *Sto Yohanes dari Salib*

Mereka yang tahu mengampuni bersedia untuk menerima berkat-berkat Tuhan. Setiap kali aku memandang Salib Tuhan, setiap kali itulah aku mengampuni dengan segenap hatiku — *Sto Faustina*

Terdapat banyak cara membuat amal, ia dapat menghapuskan dosa-dosa kita tetapi tidak ada yang lebih hebat, melainkan hati kita dapat mengampuni seseorang yang menyakiti hati kita. — *Sto Augustinus*

Belas kasihan adalah lencana bagi orang-orang ikhlas — *William Shakespeare*



Dengan mengampuni, dosa-dosa kita juga diampuni — *Sto Fransiskus dari Assisi*

Orang-orang kudus menerima penderitaan dan mereka tahu, dengan mengampuni, mereka dapat mempersembahkan sesuatu untuk Tuhan — *Sto Teresa dari Avila*

Mengampuni, ‘melekatkan’ kembali ‘dinding pecah’ dalam rumah tangga, membuatkan keluarga lebih kuat — *Sri Paus Fransiskus — sumber Aletia*

PENULIS JEMPUTAN BERKICAU

Panggilan bangun untuk Myanmar

Ketiadaan perwakilan belia dari Myanmar untuk ke Hari Belia Sedunia (WYD) 2023 memang menyedihkan.

Kerana konflik berpanjangan, kaum muda di negara itu terlepas dari mengikuti acara dunia yang dapat mengubah iman para belia.

Pada bulan lalu, Pesuruhjaya Tinggi Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Volker Turk memberi amaran kepada Majlis Hak Asasi Manusia PBB di Geneva bahawa Myanmar jatuh ke dalam “jurang maut”, di tengah-tengah keganasan dan kesedihan mendalam” lebih-lebih lagi rejim tentera atau junta, menafikan bantuan kemanusiaan kepada rakyatnya.

Beliau menyeru Majlis Keselamatan PBB untuk merujuk Myanmar ke Mahkamah Jenayah Antarabangsa, dengan mengatakan bahawa “jalan keluar dari krisis ini harus menumpukan kepada pelanggaran hak asasi manusia yang serius dan pelanggaran lain undang-undang antarabangsa”.

Turk juga mengingatkan, “laporan demi laporan” tentang krisis hak kemanusiaan di Myanmar sentiasa aktif tetapi bukan laporan yang sepatutnya diutamakan sebaliknya membantu rakyat Myanmar yang semakin lelah menanggung penderitaan.

Menurut PBB, sekurang-kurangnya 17.6 juta orang di Myanmar memerlukan beberapa bentuk bantuan, manakala 15.2 juta memerlukan sokongan makanan dan pemakanan segera. Ini mewakili peningkatan dramatik dalam kemiskinan yang teruk di negara yang sudah miskin. Krisis ini sebahagian besarnya disebabkan oleh sikap tidak berperikemanusiaan tentera, sama ada dalam konflik, krisis kesihatan awam atau bencana alam.

Penutupan Internet dan sekatan telekomunikasi menghalang usaha kemanusiaan, menjadikan penyebaran maklumat tentang serangan dan keperluan amat mencabar.

Menurut saksi, tentera juga telah memusnahkan telaga air, “supaya orang ramai tidak boleh minum.” Malah mereka juga memusnahkan sawah padi, binatang ternakan dibunuh dan memaksa peniaga hanya menjual beras kepada tentera.

Salah satu aspek yang paling mengerikan dalam krisis ini ialah serangan tentera terhadap profesional perubatan dan pekerja kesihatan dan hak untuk mendapat rawatan kesihatan turut disekat.

Di Myanmar hari ini, untuk menjadi seorang doktor, jururawat atau sukarelawan kesihatan, ia bukan sahaja tentang cuba menyelamatkan nyawa orang lain — ia juga boleh merisikokan nyawa sendiri.

Rayan Volker Turk untuk menghentikan bekalan senjata kepada tentera, dan mengehadkan akses mata wang asing, bahan api penerbangan dan cara lain yang boleh menyekat serangan terhadap rakyat Myanmar, harus didengari.

Sudah terlalu banyak “wake-up call” tetapi masyarakat antarabangsa masih tertidur.

Saya berharap Setiausaha Agung PBB akan menamatkan tidur lena moralnya dan mengambil tindakan konkrit. Begitu juga dengan pemimpin Amerika Syarikat, United Kingdom, Kanada, Australia dan Kesatuan Eropah serta Persatuan Negara-negara Asia Tenggara — sebelum ia terlambat. — *ucanews.com*

KENYATAAN MISI HERALD

HERALD adalah Minggu Katolik Gereja Malaysia. Ia berusaha untuk menyampaikan berita-berita terkini, nilai-nilai Kristian dan berusaha untuk berdialog dengan semua sektor masyarakat untuk membina komuniti beriman kepada Tuhan yang harmoni. Kami menyokong pembentukan Gereja dan menggalakkan umat awam dan religius untuk membuat keputusan moral di arena luar Gereja.

Rev Elvost Lunchi penerus misionari Mill Hill



Fr Elvost Lunchi memberkati Uskup Agung John Wong selepas ditahbis pada Julai 22, 2023 di Holy Rosary, Limbahau

LIMBAHAU: Lebih 142 tahun yang lalu, para misionari Mill Hill dari Eropah telah tiba di kawasan Papar, Sabah (dahulu Borneo Utara) untuk menubuhkan mision mereka di Kinuta dan Limbahau.

Pada Julai 22 lalu, di Gereja Holy Rosary Limbahau, seorang pemuda tempatan, Rev Elvost Lunchi tampil ke hadapan untuk menjadi paderi misionari Mill Hill.

Elvost yang menjalani lebih 10 tahun pembentukan di luar negara, ditahbis sebagai paderi oleh Uskup Agung John Wong. Beliau merupakan paderi Mill Hill kedua yang ditahbis di Sabah selepas Fr Herman Menjuan MHM yang ditahbis kira-kira tiga tahun lalu.

Misa Kudus Imamat ini dihadiri oleh ramai paderi dari Keuskupan Agung Kota Kinabalu, para paderi Mill Hill yang melayani di Sawarak, para sahabat Mill Hill dan hampir dua ribu umat.

Semasa menyampaikan amanatnya kepada calon paderi, Uskup Agung John mengingatkan Rev Elvost untuk melaksanakan tugasnya mengajar demi Kristus,ewartakan Sabda Tuhan dan merenungkan Hukum Tuhan.

Tunaikan tugas imamat Kristus dengan sukacita

“Tugasmu adalah membawa orang menjadi umat Tuhan dengan memberikan Sakramen Pembaptisan; mengampuni dosa orang atas nama Kristus dan Gereja melalui Sakramen Pertobatan, menyegarkan orang sakit dengan minyak suci; mengatur doa pujian syukur...ingatlah, tunaikan tugas imamat Kristus dengan tetap gembira dan dengan cinta yang tulus,” kata Uskup Agung John.

Memilih tema “Tuhan maha mengetahui dan sentiasa hadir” (Mazmur 139), Fr Elvost dalam ucapannya mengatakan, “Saya bersyukur di atas panggilan Tuhan ini”.

Di sepanjang menyahut panggilan kepaderian, saya menyedari bahawa Tuhanlah yang memanggil dan memungkinkan segala-galanya. Saya hanya mampu memberikan kerjasama dan membuka hati saya untuk menerima rencana Tuhan! Tuhan telah membuka jalan untuk saya berada di sini, untuk ditahbis melayani di ladang-Nya.

Si pemalu itu akhirnya menjadi paderi

PAPAR: Paderi Mill Hill dari Sabah yang baharu ditahbis pada Julai 22, 2023, merupakan anak keempat daripada enam beradik kepada pasangan Petrus Lunchi Linjanun dan Catherine Telin Lahindun dari Kg Sabandil, Papar.

Perjalanannya menyahut panggilan bermula pada tahun 2011, di mana Elvost menyertai Seminar Panggilan di Bundu Tuhan.

Fr Elvost kemudiannya memasuki Tahun Inisiasi di Keuskupan Agung Kota Kinabalu pada tahun 2013 dan menjalani Tahun pertama Falsafah, di Seminari St Peter Kuching pada tahun berikutnya.

Ditanya mengapa menyertai Mill Hill Missionaries, Fr Elvost mengatakan ‘jiwanya’ lebih ke arah pelayanan misionari dan



bersama Mill Hill Missionaries, dia bercita-cita untuk melayani orang-orang yang sangat memerlukan atau melayani di kawasan terpencil yang sukar dicapai oleh dunia.

Kepimpinan baharu CBCMSB

PLENTONG, Johor: Perhimpunan Plenari ke-112 Konferensi para Uskup Katolik Malaysia-Singapura-Brunei (CBCMSB) pada Julai 9-14 lalu telah menyaksikan Uskup Agung Julian Leow dari Kuala Lumpur, terpilih sebagai Presiden CBCMSB manakala Uskup Agung Simoh Poh dari Kuching, menjadi Presiden Uskup-uskup Malaysia.

Perwakilan rasmi ke Sinode para Uskup

Seminggu sebelum perhimpunan CBCMSB, telah diumumkan beberapa perwakilan untuk menghadiri Sinode para Uskup di Roma pada bulan Oktober ini. Kardinal William Goh dari Singapura dipilih sebagai perwakilan Konferensi para Uskup, bersama Fr Dr Clarence Devadass dari KL, Anna Amandus dari Sandakan dan Prof Christina Kheng

dari Singapura sebagai pakar atau nara sumber.

Calon Kardinal Sebastian Francis

Pada malam ketibaan para uskup ke Majodi, Uskup Sebastian Francis dari Pulau Pinang, telah diumumkan sebagai calon Kardinal dalam konsistori pada September ini oleh Sri Paus Fransiskus.

Bengkel Kemahiran Komunikasi

Hari pertama persidangan didedikasikan untuk bengkel kemahiran komunikasi untuk para uskup, jurucakap dan tim media komunikasi sosial masing-masing.

Bengkel itu dikendalikan oleh Augustine Anthuvan, seorang profesional media dan jurulatih dari Singapura yang menegaskan, “Seorang uskup atau pemimpin yang baik tidak dikelilingi den-

gan orang-orang yang hanya penurut, sebaliknya mereka bersedia memberitahu kebenaran.”

Ucapan Wakil Sri Paus

Pada hari kedua, Wakil Sri Paus ke Malaysia dan Timur Leste, Uskup Agung Wojciech Zaluskim menyampaikan beberapa topik. Beliau memberi penekanan terhadap proses Sinode dan Perlindungan kanak-kanak dari penderaan dan pencabulan.

Ini diikuti dengan laporan dari setiap Keuskupan/Agung dan pelbagai perkara berbangkit berkaitan Liturgi dan penterjemahan, kaji selidik Federasi Konferensi para Uskup Asia (FABC) tentang usaha-usaha Pembentukan Sinodal di Keuskupan dan maklum balas tentang Kerangka Panduan Sejagat yang diantar oleh Komisi Perlindungan Kanak-kanak dari Roma.



Perhimpunan plenari ke-112 para Uskup Katolik Malaysia-Singapura-Brunei

Pemilihan pemegang jawatan baharu CBCMSB

Setiasaha Eksekutif Konferensi menjelaskan rasional pemilihan seperti yang termaktub dalam Konsti-

tusi. Pemilihan pemegang jawatan utama diadakan melalui undi rahsia yang dikendalikan oleh Setiausaha

Eksekutif, dengan bantuan Kardinal William Goh untuk menyemak dan membaca keputusan undi.

Pemegang jawatan baharu dan ketua-ketua komisi episkopal

Presiden, CBCMSB
Uskup Agung Julian Leow

Hidup Bakti
Calon Kardinal Sebastian Francis

Migran, Orang Bepindah Randah & Mangsa Penyeludupan Manusia
Uskup Bernard Paul

Timbalan Presiden
Kardinal William Goh

Paderi Keuskupan dan Seminari
Uskup Richard Ng

Pembangunan Insan
Uskup Bernard Paul

Setiasaha Episkopal
Uskup Richard Ng

Ekumenisme dan Antara Agama
Uskup Agung Julian Leow, dibantu oleh Uskup Agung Simon Poh

Keadilan Ciptaan
Uskup Joseph Hii

Bendahari
Uskup Bernard Paul

Kaum Awam dan Kehidupan
Uskup Agung John Wong

Komunikasi Sosial
Calon Kardinal Sebastian Francis

Presiden para Uskup Malaysia (CBCM)
Uskup Agung Simon Poh

Penginjilan Baharu (termasuk Persatuan Misi Kepsusan)
Uskup Julius Gitom

Komisi Kateketikal Malaysia
Uskup Joseph Hii

KETUA-KETUA KOMISI EPISKOPAL:
Komisi Alkitab
Uskup Richard Ng

Pelayanan Pastoral Kesihatan
Uskup Cornelius Piong

Majlis Pendidikan Katolik Malaysia
Calon Kardinal Sebastian Francis